**From:** Jabatan Komunikasi Korporat
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Subject:** SINERGI ILMU, JALINAN KOMUNITI DAN ALUMNI PERKUKUH PUSAT ALUMNI UUM
**Date:** Monday, 21 September, 2026 4:27:57 PM
**Attachments:** image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

21 SEPTEMBER 2026 / 9 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita oleh: Ahmad Amsyar bin Abd Razak
Gambar oleh: Pusat Alumni

**SINERGI ILMU, JALINAN KOMUNITI DAN ALUMNI PERKUKUH PUSAT ALUMNI UUM**




**UUM ONLINE:** Muar, Johor – Pusat Alumni, Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuh sinergi dan kesepaduan warga kerja menerusi program “Sinergi Ilmu, Jalinan Komuniti dan Alumni” yang berlangsung di Kampung Malaya Homestay, Muar, Johor.

Program ini menjadi platform bagi mempererat hubungan dalam kalangan warga kerja Pusat Alumni, menyemarakkan semangat kerja berpasukan serta memperkasa perkongsian ilmu dan pengalaman bagi meningkatkan keberkesanan gerak kerja organisasi.

Antara pengisian utama program ialah sesi post-mortem Program MAI BALIK UUM 2.0, penyediaan Portfolio Pusat Alumni, penyelarasan Almanak Alumni UUM 2027 serta aktiviti sukaneka. Kesemua aktiviti tersebut dirangka bagi menggabungkan elemen pembangunan pasukan, refleksi, dokumentasi dan perancangan strategik dalam usaha memastikan pelaksanaan program serta tugasan Pusat Alumni lebih tersusun, sistematik dan berfokus.




Menurut Pengarah Pusat Alumni UUM, Prof. Madya Dr. Lily Julienti Abu Bakar, program sebegini penting dalam membentuk pasukan yang lebih mantap, bukan sahaja dari aspek hubungan kerja, malah dalam memperkukuh kefahaman terhadap hala tuju dan peranan masing-masing dalam menjayakan agenda alumni universiti.

“Kekuatan sesebuah organisasi bukan hanya bergantung kepada perancangan yang baik, tetapi turut dipacu oleh kesepaduan, komunikasi dan komitmen setiap warga kerja. Program ini memberi ruang kepada kita untuk bermuhasabah, berkongsi pandangan serta mengenal pasti ruang penambahbaikan agar gerak kerja Pusat Alumni dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan berimpak.





Secara keseluruhannya, program ini memberi impak positif dalam memperkukuh komunikasi, kerjasama dan kesepaduan warga kerja, di samping meningkatkan kecekapan dalam aspek perancangan dan penyampaian tugas. Program ini turut menjadi medium untuk mengeratkan jaringan antara UUM, alumni dan komuniti melalui penglibatan serta sokongan alumni dalam pelbagai inisiatif yang dilaksanakan.

Pemilihan Kampung Malaya Homestay, yang diusahakan oleh Tn. Haji Abdul Hafidz Win, Alumni UUM daSarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian (1993), turut mencerminkan komitmen Pusat Alumni dalam menyokong inisiatif serta keusahawanan alumni, sekali gus memperkukuh hubungan strategik antara universiti dan komuniti alumni.

ZMS/JKK/2026




Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.